

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。
(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。
(三)禁止使用電子計算器。

- 1 _____ musim sejuk secara beransur-ansur secara rasmi menandakan bermulanya kemuncak musim mata air panas Taiwan!
(A)Kepulangan (B)Kedatangan (C)Kelewatan (D)Kesejukan
- 2 Taiwan kaya dengan pelbagai keindahan alam _____.
(A)semesta (B)semula jadi (C)pelancong (D)bumi
- 3 "Bunga Api Beehive Yanshuei (Yanshui)" disenaraikan sebagai perayaan rakyat ketiga terbesar di dunia dan merupakan salah satu acara _____ paling terkenal di seluruh Taiwan.
(A)keagamaan (B)wisata (C)kesejahteraan (D)istimewa
- 4 _____ paspot anda dan Kad Pelancong TAIPEI 101, anda boleh mendapat banyak tawaran istimewa, termasuk 10% diskaun untuk tiket balai cerap TAIPEI 101!
(A)Simpan (B)Belikan (C)Curikan (D>Tunjukkan
- 5 Mata air panas Xinbeitou merupakan salah sebuah mata air panas termal **tulen** purba yang keluar dari bumi Taiwan. Erti dari kata **tulen** ialah:
(A)Murni (B)Cahaya (C)Terang (D)Pas
- 6 Muka bumi Taiwan yang bercerangguh diliputi oleh dua pertiga kawasan _____.
(A)mata air panas (B)pegunungan (C)sungai (D)sawah
- 7 Ramai pelancong ungkapkan bagaimana penduduk tempatan hidup _____ dengan arus kemodenan dan tradisi yang disanjung.
(A)serasi (B)selera (C)sejenak (D)sekarang
- 8 Salah satu bentuk hiburan ialah berjalan-jalan di pasar-pasar malam yang **hingar-bingar**. Erti dari kata **hingar-bingar** ialah:
(A)heboh (B)sunyi (C)besar (D)lengang
- 9 _____ adalah paling utama ketika kita melancong di mana-mana ibukota sesebuah negara.
(A)Kebingungan (B)Keselamatan (C)Kekalutan (D)Kekacauan
- 10 Saya telah mengirim sepucuk _____ kepadanya untuk bertanya khabar.
(A)kad (B)nota (C)kertas (D)surat
- 11 Kerja sebagai seorang anggota _____ adalah untuk menangkap dan membawa penjenayah ke muka pengadilan.
(A)tentera (B)polis (C)rela (D)kastam

- 12 Saya dan Samy belajar di _____ yang sama sejak dari tahun satu hingga kini.
(A)dewan (B)sekolah (C)tadika (D)balai
- 13 Khazanah purba negara banyak tersimpan di _____.
(A)Masjid Negara (B)Taman Negara (C)Zoo Negara (D)Muzium Negara
- 14 Banyak rumah yang telah musnah akibat dilanda bencana _____ beberapa tahun yang lepas.
(A)H1N1 (B)malaria (C)tsunami (D)gerhana matahari
- 15 "Tolong buka beg , saya nak tengok _____ yang ada di dalamnya," kata petugas kastam kepadanya.
(A)bila (B)siapa (C)apa (D)berapa
- 16 "_____ Pak Adib dan isterinya akan berangkat ke Pasar Malam?" tanya Haji Sudin kepada isterinya.
(A)Bilakah (B)Siapakah (C)Di manakah (D)Bagaimanakah
- 17 _____ harga sekilogram buah nona ini?
(A)Di manakah (B)Berapakah (C)Bilakah (D)Adakah
- 18 _____ kamu akan bertolak ke Yilan?
(A)Bilakah (B)Berapakah (C)Siapakah (D)Dimanakah
- 19 Pada hari _____ kah kamu akan pulang ke Malaysia?
(A)bila (B)mana (C)apa (D)berapa
- 20 "Di _____ kah letaknya kuil Long Shan?" tanya Encik Adam kepada lelaki itu.
(A)mana (B)apa (C)berapa (D)kapan
- 21 Pendaki yang hilang semasa _____ Gunung Alishan telah dijumpai di kawasan bukit.
(A)terdaki (B)mendaki (C)berdaki (D)didaki
- 22 Faizal mengirim makanan dari Taiwan _____ kawannya.
(A)ke (B)dari (C)kepada (D)daripada
- 23 Siti Nurhaliza membeli sehelai selendang _____ ibunya sebagai hadiah hari jadi.
(A)daripada (B)untuk (C)demi (D)bagi
- 24 Taman Negara Yang Ming Shan sering menjadi tumpuan pengunjung terutamanya _____ hujung minggu.
(A)ke (B)pada (C)kepada (D)umpama
- 25 Puan Astrid Leong tidak tahu sama ada hendak memakai ceongsam _____ baju kebaya untuk menghadiri konvokesyen anaknya.
(A)dan (B)serta (C)atau (D)lalu
- 26 Keadaan di pasar itu penuh sesak dengan orang ramai _____ pasar raya itu mengadakan jualan murah.
(A)kerana (B)agar (C)supaya (D)antara

- 27 Oleh sebab hujan lebat, _____ perjalanan ke Yeh Liu National Geographic Park terpaksa dibatalkan.
(A)atau (B)melainkan (C)serta (D)maka
- 28 Di _____ letaknya pejabat Datuk Bandar Taipei?
(A)manakah (B)siapakah (C)berapakah (D)apakah
- 29 Kita _____ berhati-hati semasa melintas jalan raya.
(A)masih (B)sudah (C)mesti (D)sedang
- 30 Kami _____ ke Kawasan Pegunungan pada minggu hadapan.
(A)telah (B)akan (C)sedang (D)sudah
- 31 Datuk _____ belum sedar ketika kami menziarahinya di hospital.
(A)telah (B)masih (C)sudah (D)akan
- 32 Bas dari New Taipei City itu dijangka _____ tiba pada pukul 2.00 petang.
(A)masih (B)pernah (C)sedang (D)akan
- 33 Baju ini _____ baju buatan Malaysia.
(A)akan (B)bukan (C)telah (D)sedang
- 34 _____ pelancong yang datang ke negara ini mestilah mempunyai dokumen perjalanan yang sah.
(A)Berbagai-bagai (B)Sekalian (C)Sebahagian (D)Setiap
- 35 Bulan April mempunyai _____ hari.
(A)tiga (B)tiga belas (C)tiga ratus (D)tiga puluh
- 36 Gadis bertudung itu akan menunggu teksi di situ _____ pagi.
(A)tiap-tiap (B)beberapa (C)setengah (D)sekalian
- 37 _____ merokok ketika berada di dalam kawasan tertutup.
(A)Jangan (B)Tolong (C)Sila (D)Harap
- 38 " _____ berikan wang ini kepada kakak awak," kata Ayu.
(A)Antar (B)Bukan (C)Tolong (D)Jemput
- 39 Bagaimanakah rombongan itu pergi ke Kota Tai Chung?
(A)Rombongan itu pergi ke Kota Tai Chung dengan menaiki bas.
(B)Rombongan itu pergi ke Kota Tai Chung pada waktu petang.
(C)Rombongan itu pergi ke Kota Tai Chung.
(D)Rombongan itu pergi ke Kota Tai Chung untuk melancong.
- 40 Esok kita harus _____ di dewan pada pukul tujuh setengah pagi, kita mahu pergi ke Zoo Negara.
(A)berkumpul (B)dikumpulkan (C)datang (D)berbuah

- 41 Musim **tengkujuh** yang melanda pantai timur menyebabkan para nelayan kehilangan sumber pendapatan. Perkataan berlawanan bagi **tengkujuh** ialah _____.
(A)kaki (B)kemarau (C)helai (D)bidang
- 42 Sofia bagai mendapat ____ apabila memenangi peraduan meneka silang kata.
(A)pembasuh mulut (B)angkat bakul (C)langkah kanan (D)durian runtuh
- 43 Dengan bantuan jutawan itu, _____ masalah kewangan pertubuhan itu dapat diatasi.
(A)paru-paru (B)mengalu-alukan (C)mudah-mudahan (D)beri-beri
- 44 Kita hendaklah menutup telinga apabila kedengaran bunyi yang kuat agar _____ telinga kita tidak cedera.
(A)bergugus-gugus (B)gegendang (C)ketat-ketat (D)berkobar-kobar
- 45 Lima _____ dawai diperlukan untuk mengikat peti yang besar itu.
(A)longgok (B)ulas (C)gulung (D)potong
- 46 Pelancong-pelancong yang beragama Islam hanya dibenarkan makan di kedai atau restoran yang ada _____.
(A)Sijil Halel (B)Sijil Halal (C)Sijil makanan (D)Sijil Islam
- 47 "Letakkan buku-buku _____ di _____. Nanti saya akan menyusunkannya," kata Cikgu Maimun kepada ketua kelasnya yang berdiri di hadapan mejanya.
(A)itu...sini (B)depan...itu (C)situ...itu (D)kiri...kanan
- 48 Kebanyakan kedai tidak ada membekalkan beg plastik, jadi pelancong yang ingin membeli barang-barang harus membawa _____.
(A)beg sekolah (B)piring
(C)beg membeli-belah atau beg plastik (D)mangkuk
- 49 Ali Mohamad telah _____ pemain yang paling berbakat dalam acara badminton Majlis Sukan-sukan Sekolah Malaysia pada tahun 2018.
(A)mendapat (B)memandaikan (C)dianugerahi (D)mengambil
- 50 Gempa bumi berlaku di Taiwan pada _____ masa sahaja, jadi kita harus berhati-hati.
(A)bila-bila (B)siapa-siapa (C)apa-apa (D)mana-mana
- 51 "_____ kah kakak saudara kamu? Kenapa dia berdiri bersendirian di _____?" tanya Param kepada Siti sambil menunjuk ke arah pemuda berbaju kuning yang jauh darinya.
(A)Apa...sini (B)Belok...situ (C)Belakang ...sana (D)Itu...situ
- 52 Puan Hasnah tidak mampu melancong ke luar negeri kerana kerjanya hanyalah _____ dengan orang lain.
(A)hancur hati (B)makan gaji (C)makan angin (D)ajak-ajak ayam
- 53 Sektor _____ di Taiwan telah mendatangkan keuntungan yang lumayan kepada negara.
(A)pelancongan (B)melancong
(C)dipelancongan (D)pelancong-pelancong

- 54 Jangan membawa pelancong-pelancong ke pantai berenang, melihat ombak, mendaki gunung dan pergi tempat berbahaya semasa _____.
(A)musim sejuk (B)hari taufan (C)cuaca cerah (D)musim panas
- 55 Penoreh getah yang berpengalaman itu boleh menoreh dua _____ pokok getah dalam masa lima belas minit.
(A)kaki (B)bentuk (C)orang (D)deret
- 56 Sebelum Hari Raya, semua muslim harus berpuasa selama _____ bulan.
(A)dua (B)tiga (C)satu (D)empat
- 57 Bangunan TAIPEI 101 adalah bangunan _____ di Taiwan, ramai pelancong suka melawat ke tempat itu.
(A)terlihat (B)tertinggi (C)paling suka (D)terbuka
- 58 Pusat permainan komputer mudah mempengaruhi anak-anak muda. _____ ibu bapa harus mengawasi kegiatan luar anak-anak mereka.
(A)Walau bagaimana (B)Biarpun begitu (C)Sehubungan itu (D)Kalau begitu
- 59 Esok kita mahu pergi ke Zoo Taipei, kita berkumpul _____ dewan _____ pukul lapan setengah pagi.
(A)di...pada (B)ke...kepada (C)di...dari (D)dari...sama
- 60 Harga se _____ surat khabar ialah NT10.
(A)ikat (B)buah (C)naskhah (D)buku
- 61 Pasukan A akhirnya mengangkat _____ selepas bertarung selama sejam dalam kejohanan ragbi itu.
(A)bendera putih (B)kera sumbang (C)barang kemas (D)ada hati
- 62 Simpulan bahasa **bekas tangan** bermaksud _____.
(A)dapat hasil (B)sepasang tangan
(C)hasil kerja tangan seseorang (D)tidak suka kerja
- 63 Peringatan kepada pelancong-pelancong yang mahu pergi ke pantai Kenting esok, _____ lupa _____ baju renang dan tuala.
(A)jangan...membawa (B)bukan...dibawa
(C)tidak...bawa (D)jangan...menjahitkan
- 64 Cik Miya membeli sepuluh _____ bunga, dua _____ sarung tangan dan sebungus kacang merah di pasaraya Carrefour.
(A)buah...helai (B)kuntum...pasang (C)biji...keping (D)buku...ekor

- 65 Puan Aminah suka _____ televisyen selepas pulang dari kerja.
(A)membaca (B)melihat (C)melukis (D)menonton
- 66 Kakak Aminah suka melancong, dia selalu berkongsi pengalamannya di _____ negara dengan kawannya.
(A)situ (B)luar (C)selatan (D)sini
- 67 Simpulan bahasa **kaki ayam** bermaksud _____.
(A)memakai kasut (B)tidak membeli kasut (C)tidak memakai kasut (D)tidak ada kasut
- 68 Pemandu bas pelancong yang membawa pelancong-pelancong muslim, tidak dibenarkan memakai pakaian dengan _____.
(A)baju ada lengan dan seluar panjang
(B)pakaian tidak boleh mendedahkan
(C)skirt panjang dan seluar panjang
(D)skirt pendek, seluar pendek, baju tidak ada lengan dan pakaian mendedahkan
- 69 Encik Low hanya mengutarakan dua _____ kata sahaja apabila disoal.
(A)patah (B)tandan (C)ikat (D)kawan
- 70 Pelancong-pelancong yang _____ ke Taiwan, tidak _____ bekerja dan pelanggaran peraturan.
(A)melawati...benar (B)pergi...meletak
(C)melawat...dibenarkan (D)benar...melawati

Hampir saban hari kita didedahkan dengan isu rokok. Bagaikan tiada penyudahnya. Media massa sama ada media cetak ataupun media elektronik banyak membangkitkan hal ini. Pada masa dahulu, kebanyakan mereka yang mengamalkan tabiat merokok terdiri daripada golongan lelaki, namun pada hari ini berlainan pula. Sejak akhir ini sudah banyak wanita yang terlibat dalam gejala merokok. Hal ini demikian kerana mereka mudah terpengaruh oleh cara hidup yang bebas dan ingin melepaskan tekanan.

Wanita yang merokok lebih berisiko mendapat penyakit berbanding dengan kaum lelaki. Hal ini demikian kerana dalam sebatang rokok, terkandung 4000 bahan kimia yang berbahaya terutama nikotin dan karbon monoksida. Bahan kimia ini menjejaskan kesihatan dan mendedahkan mereka kepada risiko penyakit kronik seperti barah payu dara dan barah pangkal rahim. Bukan itu sahaja seorang perokok yang mengambil lebih daripada 20 batang rokok dalam sehari menghadapi 10 hingga 15 kali ganda risiko maut akibat serangan jantung.

Ketika mengandung, berat bayi bagi wanita merokok kemungkinan tiga kali lebih ringan daripada bayi normal. Kelahiran juga boleh berlaku lebih awal dari tarikh yang sepatutnya. Bayi yang dilahirkan lebih tinggi risiko mendapat penyakit serta kematian pada tahun pertama kelahirannya. Kualiti susu badan juga berkurangan jika bakal ibu ini mula merokok semasa bayi dalam kandungan.

- 71 Golongan manakah yang lebih berisiko jika terlibat dalam gejala merokok?
(A)Golongan lelaki (B)Golongan wanita
(C)Golongan darah (D)Golongan bangsawan
- 72 Punca yang menyebabkan seseorang mudah terlibat dalam gejala merokok, ialah:
(A)Mudah terpengaruh oleh cara hidup yang bebas dan ingin melepaskan tekanan.
(B)Kebanyakan mereka yang merokok terdiri daripada golongan lelaki.
(C)Sudah banyak wanita yang terlibat dalam gejala merokok.
(D)Kerana dalam sebatang rokok terkandung 4000 bahan kimia.
- 73 Berapa jeniskah bahan kimia yang terkandung dalam sebatang rokok?
(A)Empat ribu (B)Empat ratus (C)Empat ratus ribu (D)Empat belas ribu
- 74 Jika seorang wanita merokok, apakah dua jenis penyakit kronik yang mungkin dihadapinya?
(A)Nikotin dan karbon monoksida (B)Barah payu dara dan barah pangkal rahim
(C)10 dan 15 (D)Golongan wanita dan golongan lelaki
- 75 Bukan kesan kepada bayi dalam kandungan apabila ibunya merokok, ialah:
(A)Berat bayi bagi wanita merokok kemungkinan tiga kali lebih ringan daripada bayi normal.
(B)Kelahiran juga boleh berlaku lebih awal dari tarikh yang sepatutnya.
(C)Bayi yang dilahirkan lebih tinggi risiko mendapatkan penyakit.
(D)Bayi yang dilahirkan akan lebih sihat dari bayi normal.

Sekiranya anda tergerak hati ingin melancong ke Taiwan buat kali pertama atau melawatinya sekali lagi, inilah **peluang** keemasan anda untuk melawat pulau ini. Melancong merupakan salah satu cara yang terbaik untuk menghabiskan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga, terutamanya untuk mereka yang tidak tinggal sebumbung ataupun mereka yang mempunyai ahli keluarga yang sibuk dengan kerjaya diri sendiri. Oleh itu, adalah tidak hairan kini berlancong ke Taiwan menjadi pilihan untuk ramai keluarga Malaysia yang ingin menghabiskan masa yang berkualiti bersama. **Keseronokan** yang dialami di Taiwan yang mempunyai iklim, budaya, warisan dan makanan yang berbeza, merupakan sesuatu yang boleh merapatkan hubungan di antara satu sama lain.

Taiwan mempunyai segala-galanya apabila dikaitkan dengan makanan. Anda boleh makan dengan sepuas-puas tanpa perlu membelanja dengan banyak. Daripada buah-buahan bermusim, hidangan tradisional yang lazat, hidangan vegetarian yang sihat, pencuci mulut ais dan minuman teh kreatif, hidangan Taiwan menggunakan bahan-bahan tempatan dengan sepenuhnya dan teknik yang tradisional untuk mengujakan serta memenuhi selera anda. Jangan lupa juga pasar malam yang terkenal di seluruh dunia di mana ia penuh dengan aroma yang wangi kerana makanan di jalanan dan snek yang lazat!

Taiwan merupakan tempat bagi pelancong menjadi syurga buat shopaholics! Banyak pusat membeli-belah yang besar dan rangkaian kedai boleh didapati di semua pulau Taiwan. Anda boleh membeli apa-apa sahaja yang anda perlukan, daripada produk elektronik yang berkualiti tinggi keluaran dari Taiwan, teh tanah tinggi yang terkenal dan juga anyaman buatan tangan. Untuk peminat fesyen pula, pelbagai jenis pakaian yang berharga berpatutan, barangan kulit dan produk berjenama boleh didapati di hujung jari anda. Di Taiwan, anda pasti akan memperoleh apa yang anda inginkan.

- 76 Sekiranya anda tergerak hati ingin melancong ke Taiwan buat kali pertama atau melawatinya sekali lagi, inilah **peluang** keemasan anda untuk melawat pulau ini. Erti dari kata **peluang** ialah:
- (A)kesempatan (B)keluasan (C)keberhasilan (D)pendapatan
- 77 Punca yang menyebabkan seseorang suka melancong, ialah:
- (A)Keluarga yang sibuk dengan kerjaya diri sendiri.
(B)Tidak hairan kini berlancong ke Taiwan menjadi pilihan untuk ramai keluarga Malaysia.
(C)Satu cara yang terbaik untuk menghabiskan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga.
(D)Taiwan yang mempunyai iklim, budaya, warisan dan makanan yang berbeza.
- 78 **Keseronokan** yang dialami di Taiwan yang mempunyai iklim, budaya, warisan dan makanan yang berbeza, merupakan sesuatu yang boleh merapatkan hubungan di antara satu sama lain. **Bukan** erti dari kata **keseronokan** ialah:
- (A)kenikmatan (B)kegembiraan (C)kesenangan (D)kerasukan
- 79 Taiwan mempunyai segala-galanya apabila dikaitkan dengan makanan, kerana:
- (A)terdapat buah-buahan bermusim.
(B)terdapat hidangan tradisional yang lazat.
(C)terdapat minuman teh kreatif dan pencuci mulut ais.
(D)boleh makan dengan sepuas-puas tanpa perlu membelanja dengan banyak.
- 80 Taiwan merupakan tempat bagi pelancong menjadi syurga buat shopaholics, kecuali:
- (A)banyak pusat membeli-belah yang besar dan rangkaian kedai boleh didapati di seluruh pulau Taiwan.
(B)boleh membeli apa-apa sahaja yang anda perlukan.
(C)pelbagai jenis pakaian yang berharga berpatutan, barangan kulit dan produk berjenama boleh didapati di hujung jari anda.
(D)tokoh-tokoh politik yang bermacam-macam.

測驗式試題標準答案

考試名稱：108年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試

類科名稱：外語導遊人員（馬來語）

科目名稱：外國語（馬來語）（試題代號：4213）

單選題數：80題

單選每題配分：1.25分

複選題數：

複選每題配分：

標準答案：

題號	第1題	第2題	第3題	第4題	第5題	第6題	第7題	第8題	第9題	第10題
答案	B	B	A	D	A	B	A	A	B	D

題號	第11題	第12題	第13題	第14題	第15題	第16題	第17題	第18題	第19題	第20題
答案	B	B	D	C	C	A	B	A	C	A

題號	第21題	第22題	第23題	第24題	第25題	第26題	第27題	第28題	第29題	第30題
答案	B	C	B	B	C	A	D	A	C	B

題號	第31題	第32題	第33題	第34題	第35題	第36題	第37題	第38題	第39題	第40題
答案	B	D	B	D	D	A	A	C	A	A

題號	第41題	第42題	第43題	第44題	第45題	第46題	第47題	第48題	第49題	第50題
答案	B	D	C	B	C	B	A	C	C	A

題號	第51題	第52題	第53題	第54題	第55題	第56題	第57題	第58題	第59題	第60題
答案	D	B	A	B	D	C	B	C	A	C

題號	第61題	第62題	第63題	第64題	第65題	第66題	第67題	第68題	第69題	第70題
答案	A	C	A	B	D	B	C	D	A	C

題號	第71題	第72題	第73題	第74題	第75題	第76題	第77題	第78題	第79題	第80題
答案	B	A	A	B	D	A	C	D	D	D

題號	第81題	第82題	第83題	第84題	第85題	第86題	第87題	第88題	第89題	第90題
答案										

題號	第91題	第92題	第93題	第94題	第95題	第96題	第97題	第98題	第99題	第100題
答案										

備註：